



## Notis Perlindungan Data Peribadi

Selaras dengan keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, notis ini menjelaskan bagaimana Persatuan Jurutera Perunding Malaysia ("ACEM") memproses and mengguna Data Peribadi anda.

### 1. Pengumpulan Data Peribadi

"Data Peribadi" bermaksud maklumat mengenai anda, dari mana anda boleh dikenalpasti, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor passport, nombor telefon, nombor faks, alamat, alamat e-mel, tarikh lahir, bangsa, jantina, status perkahwinan, butir-butir syarikat anda dan jawatan anda dalam syarikat anda, apa-apa maklumat mengenai anda yang anda berikan kepada ACEM berikutnya apa-apa komunikasi antara anda dengan ACEM dan/atau apa-apa maklumat mengenai anda yang secara langsung atau tidak langsung telah atau mungkin dikumpul dan diproses oleh ACEM dari semasa ke semasa.

Selain Data Peribadi yang anda berikan kepada ACEM secara langsung, ACEM juga mungkin mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk daripada borang permohonan, borang pendaftaran dan penerbitan yang mungkin mengandungi maklumat peribadi anda, apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan personel ACEM di mana-mana acara atau apabila anda membuat pertanyaan di pejabat ACEM.

### 2. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

ACEM mungkin memproses Data Peribadi anda bagi tujuan urusan dan aktiviti yang berkaitan dengan ACEM yang mana termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

Untuk keahlian ACEM –

- untuk memproses permohonan anda untuk semua kategori keahlian ACEM;
- untuk mendaftarkan anda atau firma anda dengan ACEM;
- untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan dan/atau produk yang diminta oleh anda atau firma anda sebagai ahli ACEM;
- untuk promosi profesion jurutera perunding;
- untuk menyampaikan berita dan notis yang berkaitan dengan amalan perunding kejuruteraan.

Untuk penyertaan dalam aktiviti/acara –

- untuk menyampaikan pemberitahuan/jemputan untuk aktiviti atau acara;
- untuk memproses penyertaan anda dalam mana-mana aktiviti, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh ACEM.

Umum –

- untuk ACEM mematuhi kewajipan di bawah undang-undang yang berkenaan;
- untuk membantu mana-mana agensi Kerajaan atau biro atau badan-badan kawal selia termasuk perundangan atau penyiasatan Polis dalam mematuhi undang-undang yang digunakan;
- untuk memudahkan penguatkuasaan obligasi anda terhadap kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa keingkaran pembayaran wang yang belum dijelaskan kepada ACEM;
- untuk berkomunikasi dengan anda untuk tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), telefon, pos dan/atau melalui e-mel dan untuk menjawab pertanyaan, komen dan maklum balas daripada anda.

Sekiranya anda tidak membekalkan Data Peribadi anda, kami tidak akan dapat menyampaikan notis, maklumat mengenai perkhidmatan dan/atau produk berhubung dengan objektif dan urusan ACEM.

### 3. Pendedahan kepada Pihak Ketiga

Data Peribadi anda boleh dipindahkan, diakses atau didedahkan kepada pihak ketiga bagi tujuan mempromosikan perunding kejuruteraan di dalam dan di luar negara. ACEM mungkin melibatkan syarikat-syarikat, pembekal perkhidmatan atau individu lain untuk melaksanakan fungsi-fungsi bagi pihak ACEM, dan boleh memberikan akses atau mendedahkan Data Peribadi kepada pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga tersebut. Pihak-pihak ketiga yang disebut dalam seksyen ini boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada:



## Notis Perlindungan Data Peribadi

- Pembekal perkhidmatan seperti pembekal perkhidmatan IT, pembekal kemasukan data, pembekal perkhidmatan percetakan, pembekal perkhidmatan mel dan agensi reka bentuk/pengiklanan;
- Penasihat profesional termasuk penasihat undang-undang, juruaudit, akauntan dan perunding kami;
- Pihak Berkuasa dalam mematuhi undang-undang dan keperluan Kerajaan.

### 4. Pautan ke Laman Web Pihak Ketiga

Laman web ACEM mungkin mengandungi pautan ke laman-laman web pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa ACEM tidak bertanggungjawab untuk pengumpulan, penggunaan, penyelenggaraan, perkongsian, atau pendedahan data dan maklumat oleh pihak ketiga sedemikian. Jika anda memberikan maklumat secara langsung kepada laman-laman tersebut, anda adalah tertakluk kepada dasar privasi dan syarat-syarat perkhidmatan laman tersebut dan ACEM tidak bertanggungjawab untuk amalan pemprosesan maklumat atau dasar privasi laman-laman tersebut.

### 5. Akses & Permintaan Pembetulan dan Siasatan

Tertakluk kepada apa-apa pengecualian di bawah undang-undang terpakai, anda boleh meminta akses kepada dan/atau meminta pembetulan terhadap Data Peribadi anda, meminta untuk menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dan/atau membuat sebarang pertanyaan mengenai Data Peribadi anda melalui e-mel kepada: [sec@acem.com.my](mailto:sec@acem.com.my), perhatian kepada Setiausaha Kehormat.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik balik kebenaran anda untuk ACEM memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini, ACEM mungkin tidak boleh memberikan notis, perkhidmatan dan/atau produk yang diminta oleh anda.

### 6. Melindungi Data Peribadi Anda

Kami akan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah perlindungan dalam pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi anda untuk mengelakkan penggunaan yang tidak dibenarkan terhadap Data Peribadi anda.

### 7. Akuan dan Persetujuan

Anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini dan membenarkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan ACEM seperti yang dinyatakan di atas. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Notis ini, sila hubungi ACEM menggunakan butiran hubungan seperti di bawah.

ACEM berhak untuk mengubahsuai, mengemaskini atau meminda Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis dikemaskini pada laman web ACEM di <http://www.acem.com.my>.

Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis Perlindungan Data Peribadi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Terima kasih.

Ir. Chow Tet Fah  
Setiausaha Kehormat

---

The Association of Consulting Engineers Malaysia  
No. 63-2 & 65-2 Medan Setia 1, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603 2095 0031 Faks: + 603 2095 3499  
Email: [sec@acem.com.my](mailto:sec@acem.com.my) Website: [www.acem.com.my](http://www.acem.com.my)

Tarikh: 17 Februari 2014